



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 29 OKTOBER 2021

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	URBAN AGRICULTURE PROGRAMME ATTRACTED OVER 160,000 PARTICIPANTS, NATION, KWONG WAH YIT POH -A16 AGRO FOOD WORTH RM6.55M SEIZED, NEWS, NST -8 SMART SBB BANTU TINGKATKAN PENDAPATAN PESAWAH SUNGAI MANIK, NEGERI PERAK, SH -28	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4. 5. 6. 7.	FAMA URGED TO ASSIST SFO BUILD MARKETING NETWORK, BORNEO POST (KUCHING) -ONLINE FAMA TO UPGRADE TAMU WITH RM800K ALLOCATION EACH, BORNEO POST (KUCHING) -ONLINE FAMA TERUSKAN USAHA PROJEK MENAIK TARAF PASAR TAMU TERMASUK DI SARAWAK, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE PERLUAS PASARAN HASIL TANI, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8. 9. 10.	CAP CADANG MAFI WUJUD JAWATANKUASA KHAS ATASI MASALAH BENIH PADI, NEGERI KEDAH, SH -28 PESAWAH MINTA ATASI ISU KELEWATAN BENIH PADI, UTARA, HAKRAH -17 JAWATANKUASA SIASAT ISU BENIH PADI, DALAM NEGERI, UM -12	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
11. 12. 13.	JOHOR KEEN TO BOOST COCONUT SEEDLING OUTPUT, NEWS IN BRIEF, NST -14 MARITIM TAHAN BOT NELAYAN, NASIONAL, BH -22 TAMBAH BAIK LALUAN KE CAMERON HIGHLANDS, MINDA PEMBACA, BH -13	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Urban agriculture programme attracted over 160,000 participants		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	29 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A16	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	146 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,637
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,911



▲罗南建迪：城市农耕计划受惠者多达16万5207名参与者

►城市农耕获得成功后，政府于去年再通过《经济复苏计划》再拨款1000万令吉，作为协城市与郊区居民进行农耕。



城市农耕计划热烈逾16万参与者受惠 部长：政府今年追加3000万批准5000万拨款

【吉隆坡28日讯】农业及食物工业部长拿督斯里罗南建迪披露，从2014年至2020年，城市农耕计划受惠者多达16万5207名参与者，涉及2万2385个地方。

“它涉及4万7938名个人、4万2482个社区、2万3135所机构及5万1652所学校。”

他是在周二的书面回应班丹国会议员拿督斯里旺阿兹莎的询问时，如是指出。

他指出在城市农耕获得成功后，政府于去年再通过《经济复苏计划》（PEN-JANA），再拨款1000万令吉，作为协城市与郊区居民进行农耕。

“这项拨款惠及2万3104人，涉及1万6405个地方。”

由于反应热烈，他指政府今年再追加3000万令吉的拨款，将有3万9608人涉及2万5775个地方受惠。“在《第12大马计划》内，政府也批准了5000万令吉拨款。”#

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/10/2021	NST	NEWS	8

Agro-food worth RM6.55m seized

THE Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) seized more than 300,000kg of agricultural and agro-food commodities worth RM6.55 million. Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said this was based on 248 cases up to Sept 30, in raids conducted by Maqis with the Customs Department, General Operations Force, armed forces and Health Ministry's Food Safety Control Division. He said the non-compliance was against the Quarantine and Inspection Services Act 2011.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/10/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK/KEDAH	28

CAP cadang MAFI wujud jawatankuasa khas atasi masalah benih padi

ALOR SETAR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dicadangkan menubuhkan jawatankuasa khas bagi menyiasat dan menangani masalah benih padi yang berlaku di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Pengerusi Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, jawatankuasa khas yang disertai wakil MAFI, MADA, jabatan dan agensi berkaitan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk pesawah wajar disegerakan kerana masalah yang berlarutan sejak sekian lama ini gagal ditangani dengan berkesan sehingga sekarang.

Menurutnya, jawatankuasa tersebut bukan saja berperanan memastikan bekalan benih padi mencukupi dan diterima pesawah tepat pada jadual penanaman yang telah ditetapkan pada setiap musim, bahkan juga kualiti dan harganya yang tidak membebankan golongan berkenaan.

"Baru-baru ini beberapa kumpulan pesawah MADA mengadakan protes berikutan bekalan benih padi lambat diterima mereka dan harganya yang meningkat dari RM28 satu beg seberat 20 kilogram (kg) kepada lebih RM50 satu beg ketika ini."

"Jawatankuasa ini juga dapat menyiasat dan mengenal pasti kawasan sawah yang dilanda kemarau, banjir dan diancam makhluk perosak yang menyebabkan benih padi ditabur akan mengalami kemusnahan," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Smart SBB bantu tingkatkan pendapatan pesawah Sungai Manik

PASIR SALAK - Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) dilaksanakan di Sungai Manik di sini berpotensi meningkatkan hasil dan mutu padi tempatan sekali gus memberi manfaat kepada 75 pesawah yang terlibat.

Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Azman Mahmood berkata, pelaksanaan program melibatkan kira-kira 202 hektar tanah itu akan dilaksanakan pada Januari tahun depan berikutan sambutan positif yang diterima daripada pesawah.

"Program Smart SBB ini akan membantu petani sepenuhnya bermula daripada benih, penanaman hingga pengeluaran hasil dalam tempoh 10 tahun."

"Di samping meningkatkan mutu pengeluaran beras negara, pesawah dan penduduk setempat juga akan menikmati limpahan produk lain termasuk agropelancongan."

"Program ini dijangka dapat membuka peluang pekerjaan kepada anak tempatan sekali gus menarik golongan muda untuk menyertai industri pertanian dan sekuriti makanan ini," katanya

ketika ditemui pada sesi penerangan Program Smart SBB di Parit 12A, Sungai Manik di sini pada Khamis.

Hadir sama, Pengurus Besar Kanan, Jabatan Pengurusan Ladang, PadiBeras Nasional Berhad (Bernas), Northisham Abd Rahman dan Timbalan Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak, Aslynawati Abd Sukor.

Azman berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) terus komited meningkatkan hasil pendapatan pesawah di seluruh negara dengan menggunakan pengurusan yang lebih sistematik dan teratur itu.

Katanya, sebanyak 17,000 hektar tanah di Selangor, Perak, Perlis, Sarawak dan Sabah telah dikenal pasti untuk pembangunan penanaman padi.

"Menerusi program yang dilaksanakan sejak Februari lalu, hasil pengeluaran padi seperti di Selangor meningkat hampir empat kali ganda daripada 2.5 metrik tan kepada 8 metrik tan."

"Kaedah ini berjaya mengurangkan risiko dan kos yang perlu ditanggung pesawah dan petani tidak perlu berhutang lagi. Pelaksanaan ini juga akan



Azman (tengah) bersama pesawah yang hadir pada sesi penerangan Program Smart SBB di Parit 12A, Sungai Manik pada Khamis.

menghapuskan peranan orang tengah yang mengaut keuntungan lebih," katanya.

Beliau berkata, tiada isu pengambilan tanah dibuat dalam menjayakan Smart SBB ini.

"Menjadi hasrat kita untuk membina sistem pertanian dan jaringan komuniti pesawah yang mampan serta dinamik seiring dengan perkembangan teknologi pertanian."

"Kita mahu negara menjadi pengeluar beras tanpa perlu import dari Vietnam, India, Pakistan atau Thailand kerana harga beras makin meningkat sekali gus membebaskan kerajaan," katanya.

Katanya, petani diminta untuk terus mendapatkan maklumat tepat berhubung program itu daripada laman web MAFI dan tidak mendengar khbar angin semata-mata.



29 OCT, 2021

Fama urged to assist SFO build marketing network

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 1 of 2



Uggah launches JTDL at Canaan Square, Jalan Stutong Baru. Also seen are (from left) Chal, Abdul Gharif, Dr Abdul Rahman and Zainal Abidin.

Fama urged to assist SFO build marketing network

Jacqueline David

KUCHING: The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) is urged to assist the State Farmers Organisation (SFO) build a marketing network to export Sarawak's food produce overseas and buy what local farmers produce.

Deputy Chief Minister Datuk Amar Douglas Uggah Embas said Sarawak aims to be a net food exporter by 2030, and the right mechanism is to move the full supply chain from production, processing, marketing and exporting, not only within the state but to the international markets.

"Our goal of becoming a net food exporter by year 2030 is quite achievable provided we adopt the right technology and production systems and extend the necessary support to our agriculture industry."

"Therefore, it is necessary for Fama to assist SFO in terms of its marketing mechanism and system so that our food produce will not only be marketed domestically but also international markets," he said in a press conference after launching 'Selling Direct from The Farm (JTDL) and MyRakyat' programmes at Canaan Square, Jalan Stutong Baru here yesterday.

Uggah, who is also the Minister of Agriculture, Native Land and Regional Development, said, in fact, the Sarawak state government had allocated a total of RM10 million to strengthen the marketing system of SFO.

"I am confident Fama and SFO can make this change bigger throughout the state of Sarawak."

"This is what we want to build, selling our agricultural products beyond the local market to the international market; the most important thing is we must be able to market our products."

"We have a lot of products, we must make sure that they reach the market and of course to be able to reach the market, the products must be competitive and able to compete with products from other places," he said.

Yesterday's event saw most of the farmers/sellers exhibiting and selling their products themselves, without going through middlemen.

"The products you can see today are from the farms, they do not have to go through the middlemen."

"This is how we prove that our farmers will be able to get a better price for their products," he said.

Meanwhile, Uggah acknowledged the problems faced by the farmers for not

being able to sell their produce during the pandemic although they had a good harvest.

"Therefore, we take note that during Covid period, products are difficult to sell, and that is why the state government set up funds to buy these produce from farmers and fishermen throughout the state with the cooperation of Fama and SFO."

"At least, that could help ease their burden and reduce the problem of unsold goods produced by farmers during the pandemic."

"Thank you very much Fama, SFO and our farmers and fishermen for continuously working even though we are going through challenging times, but we always strive to ensure that our farmers and fishermen are always being taken care of, especially in looking for ways to increase your income," he said.

Also present at the event were Assistant Minister of Agriculture, Native Land and Regional Development Datuk Dr Abdul Rahman Ismail, Fama director-general Datuk Zainal Abidin Yang Razali and his deputy Datuk Abdul Gharif Ramin, Department of Agriculture director Dr Alvin Chal, the ministry's permanent secretary Datu Edwin Abit, head of Farmer Institutions Division, Department of Agriculture Mohidi Bidin and SFO general manager Gom Raway.



29 OCT, 2021

Fama urged to assist SFO build marketing network

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Uggah launches JTDL at Canaan Square, Jalan Stutong Baru. Also seen are (from left) Chai, Abdul Gharif, Dr Abdul Rahman and Zainal Abidin.

KUCHING: The Federal AgriculturalMarketingAuthority (Fama) is urged to assist the State Farmers Organisation (SFO) build a marketing network to export Sarawak's food produce overseas and buy what local farmers produce.



29 OCT, 2021

Fama to upgrade tamu with RM800k allocation each

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 1 of 2

Fama to upgrade tamu with RM800k allocation each

KUCHING: The Ministry of Agriculture and Food Industries has allocated fund to Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) to upgrade 'Pasar Tamu' (markets) in Sarawak with an allocation of RM800,000 each.

Fama director general Dato Zainal Abidin Yang Razali said the allocation was meant for upgrading work only, in terms of presentation and design.

He said four tamu in Sarawak had so far been upgraded; in Bau, Sebuyau, Siburan and Serian, while the one in Bekenu is still being upgraded.

"The upgrading of tamu is among the ministry's efforts, through Fama, to create a unique identity depending on locality and offerings. It is an initiative related to agriculture under the 12th Malaysia Plan (12MP).

"We work with the local councils because the tamu is owned by the council. We will upgrade them with new design, and new presentation. Once finished, we will hand them over to the council to operate," he told a press conference after the launch of 'Selling Direct from The Farm (JTDL) and MyRakyat programmes' which was officiated at by Minister of Agriculture, Native Land and Regional Development Datuk Amar Douglas Uggah at Canaan Square in Jalan Stutong Baru here, yesterday.

He added that the upgraded tamu had resulted in 30 per cent increase in sale.

"The traders can do their



Dato Zainal
Abidin Yang
Razali

business in a better atmosphere, better presentation of goods, while the customers enjoy cleaner and orderly place."

On the JTDL and MyRakyat programmes, which were initially launched in 2017, he said they were aimed at driving the country's economy during the Covid-19 in the last two years.

He said before the pandemic hit in 2019, the JTDL programme opened in 576 locations nationwide with the involvement of more than 1,000 participants and sales of more than RM5.27 million.

"In 2020, we managed to open 416 fresh markets approved by the National Security Council (NSC), and we managed to achieve sales of RM5.12 million."

"Now, almost 80 per cent of our 1,300 outlets nationwide have opened, and I am confident that by year end we can open all outlets such as Pasar Tani, Pasar Tani Kekal, Agro Bazaar, Kedai Rakyat and others.

"With the opening of more Fama outlets, JTDL and farmers' markets, our sales are projected to achieve RM800-RM900 million," he said.



29 OCT, 2021

Fama to upgrade tamu with RM800k allocation each

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Fama to UupfTMde, tamu with RM800k allocation KUCHING: The Ministry of Agriculture and Food Industries has allocated fund to Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) to upgrade 'Pasar Tamu' (markets) in Sarawak with an allocation of RM800,000 each. Fama director general Dato Zainal Abidin Yang Razali said the allocation was meant for upgrading work only, in terms of presentati...



29 OCT, 2021

FAMA teruskan usaha projek menaik taraf pasar tamu termasuk di Sarawak

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA teruskan usaha projek menaik taraf pasar tamu termasuk di Sarawak

KUCHING: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan meneruskan usaha projek menaik taraf pasar tamu termasuk di Sarawak dalam usaha mentransformasikan serta mengukuhkan rangkaian peruncitan pasar berkenaan.

Ketua Pengarah FAMA Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata kerajaan persekutuan memperuntukkan kepada FAMA untuk menaik taraf pasar tamu sedia dan selepas itu ia akan diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan.

"Di Sarawak setakat ini sebanyak empat pasar tamu yang telah dinaik taraf dalam program berkenaan iaitu di Siburan, Bau, Simunjan dan Sebuyau.

"Sementara satu lagi pasar tamu iaitu Bekenu di Miri kini sedang dalam proses dinaik taraf dan setiap satu projek dianggarkan menelan kos lebih kurang RM800,000," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) dan My Rakyat yang disempurnakan. Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah Embas di Canaan Square di sini semalam.

Program anjuran FAMA itu turut dihadiri Menteri Muda Pemasaran Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Datuk Dr Abdul Rahman Ismail.



HASIL TANI: Uggah (dua kiri) bersama Zainal (tiga kiri) serta yang lain meninjau hasil tani yang diletakkan di Peladang eShop yang baharu dirasmikan di Canaan Square.

Menurut Zainal, projek menaik taraf berkenaan amat penting dalam usaha memberi wajah baharu kepada setiap pasar tamu yang dikenal pasti.

"Kita mendapati pasar tamu yang dinaik taraf menunjukkan peningkatan jualan sekitar 30 peratus kerana peserta dapat berniaga dalam suasana lebih baik, selain pameran barang-barang yang tersusun dan pengunjung boleh pergi ke tempat yang bersih," katanya.

Mengenai program JTDL, Zainal berkata, ia telah dilaksanakan sejak 2017 namun terhad disebabkan wabak COVID-19 yang melanda negara sejak tahun lepas.

Katanya pada 2019, program berkenaan telah dilaksanakan di 576 lokasi seluruh negara yang melibatkan lebih 1,000 peserta dengan nilai jualan RM2.57 juta.

"Pada tahun 2020 meskipun COVID-19 melanda namun Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah membenarkan pembukaan pasar segar dan kita tetap mengadakan program ini.

"Pada tahun berkenaan sebanyak 416 lokasi sahaja dengan nilai jualan RM5.12 juta," katanya.

Sementara itu beliau optimis dengan pembukaan outlet-outlet FAMA di seluruh negara yang kini sudah mencapai 80 peratus daripada

1,300 outlet, ia merancang lagi aktiviti ekonomi di samping memberi peluang kepada peserta meningkatkan pendapatan serta membolehkan pengguna membeli bekalan.

"Dengan pembukaan outlet berkenaan, lebih RM500 juta nilai jualan dijana dari Januari hingga September tahun ini oleh usahawan yang dikendalikan atau bimbingan FAMA.

"Kita menjangkakan sehingga penghujung tahun ini dengan pembukaan lebih banyak outlet yang ditutup sebelum ini, ia mampu menjana nilai jualan antara RM800 juta hingga RM900 juta oleh usahawan kita," katanya.



29 OCT, 2021

FAMA teruskan usaha projek menaik taraf pasar tamu termasuk di Sarawak

[Utusan Borneo Sarawak, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan meneruskan usaha projek menaik taraf pasar tamu termasuk di Sarawak dalam usaha mentransformasikan serta mengukuhkan rangkaian peruncitan pasar berkenaan. Ketua Pengarah FAMA Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata kerajaan persekutuan memperuntukkan kepada FAMA untuk menaik taraf pasar tamu sedia dan selepas itu ia akan diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan.



29 OCT, 2021

PERLUAS PASARAN HASIL TANI

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

PERLUAS PASARAN HASIL TANI

● **FAMA diharap bantu PPNS rancakkan pemasaran hasil tani Sarawak ke luar negara**

Oleh Jessica Jawing

KUCHING: Agensi persekutuan termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) diharap dapat membantu Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak (PPNS) merancakkan lagi pemasaran hasil tani ke luar negara.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, FAMA yang mempunyai outlet di seluruh negara diyakini dapat membantu PPNS terutama dalam membina rangkaian pemasaran.

"Sarawak telah menyasarkan untuk menjadi pengeksport bersih hasil dan produk pertanian menjelang tahun 2030, namun pada masa yang sama, kita perlu menggerakkan keseluruhan rantaian bekalan sama ada dari pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran.

"Di sini, kita memberi laluan kepada PPNS untuk merangka mekanisme dan sistem, saya yakin FAMA yang sudah mempunyai outlet di seluruh negara dapat membantu PPNS untuk membina satu rangkaian pemasaran bukan sahaja di Sarawak, tetapi terus ke luar negara," ujarnya.

Beliau yang juga Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Jualan Terus dari Ladang (JTDL) dan MyRakyat di Canean Square di sini, semalam.

Program anjuran FAMA itu turut dihadiri Menteri Muda Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Datuk Dr Abdul Rahman Ismail dan Ketua Pengarah FAMA Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

Menurut Uggah, setakat ini Sarawak mengeksport beberapa produk pertanian ke luar negara



SEGAR: Uggah (empat kanan) melawat gerai jualan produk hasil pertanian selepas merasmikan Program Jualan Terus dari Ladang dan MyRakyat di Kuching, semalam. Turut kelihatan Dr Abdul Rahman (tiga kanan) dan Zainal Abidin (lima kanan). — Utusan Borneo

kepada Singapura.

Katanya, kerajaan negeri akan terus mencari jalan untuk memasarkan produk pertanian dalam usaha meningkatkan pendapatan petani di seluruh Sarawak.

"Bagi PPNS, Ketua Menteri telah meluluskan RM10 juta tahun ini bagi tujuan untuk membantu peladang memperkasakan sistem pemasaran agar pertubuhan dapat menggerakkan pasaran lebih moden, canggih dan menjangkau bukan sahaja dalam Sarawak tetapi juga luar negara.

"Kita menggunakan teknologi baharu supaya mereka dapat menghasilkan produk yang mampu berdaya saing dan berkualiti serta

paling penting mencapai pasaran," katanya.

Mengulas mengenai Program JTDL, Uggah berterima kasih kepada FAMA dan PPNS yang bekerjasama menganjurkan program berkenaan sekali gus membolehkan petani menjual hasil mereka pada harga yang lebih baik kerana tidak perlu menerusi orang tengah.

Katanya, susulan pandemik COVID-19, program berkenaan kali pertama diadakan tahun ini selepas keadaan membolehkan penganjur mengajurnya.

"Terima kasih kepada FAMA kerana bekerjasama dengan PPNS untuk memasarkan hasil petani, penternak dan nelayan.

"Semasa COVID-19 melanda, masalah besar dihadapi petani adalah memasarkan hasil mereka dan kita mengambil inisiatif memberi dana untuk membeli lambakan hasil tidak terjual oleh petani dan nelayan di seluruh Sarawak," jelasnya.

Beliau berkata, inisiatif itu ternyata membantu meringankan beban dan mengurangkan masalah hasil tidak terjual oleh petani semasa COVID-19 atas pelbagai kekangan, termasuk pergerakan.

Pada majlis itu, Uggah turut merasmikan pembukaan premis Peladang eShop yang menyediakan khidmat seperti pusat pengumpulan, tempat memproses, membungkus dan sebagainya.



29 OCT, 2021

PERLUAS PASARAN HASIL TANI

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2


SUMMARIES

F) BsnGaQgKB rancakkan

KUCHING: Agensi persekutuan termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) diharap dapat membantu Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak (PPNS) merancakkan lagi pemasaran hasil tani ke luar negara. Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, FAMA yang mempunyai outlet di seluruh negara diyakini dapat membantu PPNS terutama dalam membina rangkaian pemasaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/10/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

CAP cadang MAFI wujud jawatankuasa khas atasi masalah benih padi



Mohideen Abdul Kader

ALOR SETAR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dicadangkan menubuhkan jawatankuasa khas bagi menyiasat dan menangani masalah benih padi yang kerap berlaku dan dihadapi oleh pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Pengerusi Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, jawatankuasa khas yang disertai

wakil MAFI, MADA, jabatan dan agensi berkaitan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk pesawah wajar disegerakan kerana masalah yang berlarutan sejak sekian lama ini gagal ditangani dengan berkesan sehingga sekarang.

Menurutnya, jawatankuasa tersebut bukan saja berperanan memastikan bekalan benih padi mencukupi dan diterima pesawah tepat pada jadual penanaman yang telah ditetapkan pada setiap musim, tetapi juga kualiti dan harganya yang tidak membebankan golongan berkenaan.

"Baru-baru ini beberapa kumpulan pesawah MADA telah mengadakan protes berikutan bekalan benih padi lambat diterima mereka dan harganya yang meningkat dari RM28 satu beg seberat 20 kilogram (kg) kepada lebih RM50 satu beg ketika ini.

"Jawatankuasa ini juga dapat menyiasat dan mengenal pasti kawasan-kawasan sawah yang dilanda kemarau, banjir dan diancam makhluk perosak seperti siput gondang emas, tikus dan lain-lain di mana benih padi yang ditabur akan mengalami kemusnahan," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Mengulas lanjut, Mohideen berkata, benih padi yang dibekalkan sebanyak 14,096 metrik tan untuk kawasan sawah di MADA seluas 100,685 hektar semusim mungkin tidak mencukupi kerana pesawah yang terlibat dengan masalah tersebut terpaksa menggunakan lebih banyak benih padi akibat kejadian itu.

Menurutnya, persediaan awal perlu dilakukan oleh syarikat yang bertanggungjawab membekal dan mengedar benih padi kepada pesawah di sini dengan mencukupi dan tepat pada masa yang dijadualkan.

"Jika proses ini berjalan lancar mereka tidak mudah ditipu dan ditindas oleh pihak yang mahu mengaut keuntungan.

"CAP bimbang jika masalah ini tidak ditangani segera ia bukan saja boleh menjejaskan sumber pendapatan pesawah yang terlibat dengan lebih serius lagi, malah bekalan makanan untuk rakyat dan sektor pertanian juga akan turut tergugat pada masa akan datang," ujarnya.

Tambahnya, CAP yakin pembentukan jawatankuasa khas tersebut bukan saja dapat membela nasib masa depan kehidupan lebih kurang 60,000 keluarga pesawah MADA, tetapi mengekalkan kawasan ini sebagai jelapang padi utama negara.

PESAWAH minta atasi isu **kelewatan** benih padi

Oleh **NOOR SARA
MASHITOH MOHAMAD
HANIF**

KANGAR: Exco Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PESAWAH), Abdul Rashid Yob mendakwa isu kelewatan benih padi ini sudah berlarutan sejak tahun 2018 dan menjadi semakin buruk sejak tiga tahun kebelakangan ini.

"Isu ini memang isu melibatkan rakyat daripada golongan petani, boleh dikatakan setiap musim mempunyai masalah yang sama.

"Cuma dari sudut penyelesaian itu, saya lihat pihak terbabit kurang mengambil tindakan kerana ia melibatkan banyak pihak seperti pengilang, Jabatan Pertanian dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)," katanya.

Menurutnya lagi, isu berbangkit ketika ini ialah tiada ketetapan harga siling untuk benih padi bagi mengawal harga supaya tiada pihak mengambil kesempatan menjual kepada petani dengan harga yang tinggi.

"Subsidi yang diberikan kerajaan diperolehi oleh pengilang dengan harga sekamplit RM20.60 tetapi pengilang menjual dengan harga yang tinggi kepada petani sehingga ada yang mencecah harga RM50 sekamplit.

"Petani terpaksa beli dengan harga yang mahal oleh kerana tiada ketetapan

harga siling bermakna harga subsidi hanya dinikmati oleh pengilang bukannya di kalangan petani," ujarinya lagi.

Bermula tahun ini, kerajaan telah mengubah kaedah pengagihan kepada 12



Abdul Rashid Yob



Razali Saad

syarikat untuk mengeluarkan benih padi sah selepas berlaku masalah ketika Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menjadi pengedar tunggal pada tahun lalu.

Abdul Rashid berkata lagi, bekalan benih pula tidak mengikut jadual yang diberikan oleh pihak MADA.

"Sudahlah harga mahal, lepas itu benih padi pula lambat tiba seperti sekarang ini sepatutnya fasa dua penanaman padi sudah selesai iaitu bermula 1 Oktober hingga 25 Oktober.

"Pihak kami mencadangkan kepada kerajaan agar harga subsidi ini diberikan terus kepada petani, contoh seperti industri getah, penoreh boleh menikmati harga subsidi jadi kenapa konsep yang sama tidak diaplikasi kepada petani," cadang beliau lagi.

Dalam masa yang sama,

ujarnya petani juga terpaksa menanggung kos input pertanian seperti racun, baja yang semakin meningkat sehingga mencecah 80 peratus.

"Petani terpaksa menanggung beban, benih padi lambat, input pertanian pula semakin mahal tetapi harga siling untuk beras masih lagi RM2.60 sedangkan untuk industri sawit harga pasaran untuk kelapa sawit meningkat sejajar dengan harga kos yang semakin meningkat.

"Tetapi untuk padi, harga kos permulaan meningkat sehingga 80 peratus tetapi harga pasaran beras tetap sama, kita tidak minta harga beras meningkat tetapi ianya tidak adil untuk para petani yang terpaksa menanggung kos tersebut," tambahnya.

Baru-baru ini, Badan Bertindak Petani MADA juga mendakwa berlaku masalah yang sama sehingga menjejaskan jadual tanaman kepada lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis.

Seorang petani di sini yang dihubungi, Razali Saad berkata perkara yang sama berulang kembali.

"Sebagai petani, saya mencadangkan sudah tiba masanya kita mempunyai kilang untuk mengeluarkan benih padi sendiri yang dijual terus kepada petani tanpa perlu melalui pengilang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Jawatankuasa siasat isu benih padi

GEOGRETOWN: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mencadangkan penubuhan jawatankuasa khas menyiasat masalah bekalan benih padi yang kerap dihadapi pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader berkata, jawatankuasa khas itu perlu mempunyai wakil Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), MADA, jabatan dan agensi berkaitan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk pesawah bagi mengatasi masalah tersebut berlarutan sejak sekian lama.

Katanya, jawatankuasa tersebut bukan saja berperanan memastikan bekalan benih padi mencukupi dan diterima pesawah tepat pada jadual penanaman yang telah ditetapkan tetapi juga kualiti serta harganya tidak membebankan golongan berkenaan.

"Baru-baru ini beberapa kumpulan pesawah MADA telah mengadakan protes berikutan mereka lambat menerima bekalan benih padi, malah harganya meningkat dari RM28 satu beg seberat 20 kilogram kepada lebih RM50 satu beg ketika ini.

"Jawatankuasa ini juga dapat menyiasat dan mengenal pasti kawasan-kawasan sawah yang dilanda kemarau, banjir dan diancam makhluk perosak seperti siput gondang emas, tikus serta masalah lain-lain di mana benih padi yang ditanam akan mengalami kemusnahan," katanya dalam kenyataannya di sini semalam.

Sebelum ini, Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) mendesak kerajaan memberi subsidi benih padi kepada petani supaya mereka dapat membelinya dengan harga berpatutan.

Pengerusi Pesawah, Mohd. Fuad Yaacob berkata, petani yang mengusahakan tanaman padi di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) kecewa harga benih padi yang dikeluarkan kilang tidak selaras dan membebankan petani.

Menurut Mohideen, benih padi untuk sawah di MADA seluas 100,685 hektar semusim mungkin tidak mencukupi kerana pesawah memerlukan lebih banyak benih padi.

Johor keen to boost coconut seedling output

JOHOR BARU: Johor hopes to enhance the output of its coconut seedling stations, especially the matag variety, to increase the country's coconut subsistence rate (SSL) that currently stands at 68.2 per cent. State Agriculture, Agro-based Industry and Rural Development Committee chairman Datuk Samsolbari Jamali said seedling production was very important to improve the country's SSL. He said the state was the main producer of coconut seedlings of various varieties for crop expansion nationwide. "Apart from the coconut seedling station in Parit Botak, Batu Pahat, and the Johor Agricultural Park in Pasir Gudang, the seeding centre in Jorak, Pagoh, also focuses on the production of mature coconut varieties," he said yesterday.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/10/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	22



Ariffin (tiga dari kanan) memeriksa tangki minyak diesel selepas menahan sebuah bot asing Vietnam di Kuala Terengganu, kelmarin. (Foto Ghazali Kori/BH)

Maritim tahan bot nelayan

Kuala Terengganu: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu menahan sebuah bot nelayan Vietnam yang membawa muatan minyak diesel, petang kelmarin.

Bot yang dipercayai cuba menyeludup lebih 1,500 liter minyak diesel itu ditahan dalam Op Kuda Laut pada kedudukan 81.3 batu nautika dari perairan Kuala Terengganu, di sini kira-kira jam 6.20 petang.

Timbalan Pengarah Operasi Maritim Malaysia Terengganu, Ko-

mander Maritim Ariffin Ghazali, berkata pihaknya menahan tekong bot dan dua awak-awak berusia antara 35 hingga 54 tahun kerana menceroboh perairan negara.

Katanya, pemeriksaan mendapati bot berkenaan diubah suai sebagai kapal induk untuk membawa bekalan bahan bakar kepada bot nelayan asing Vietnam yang menceroboh perairan negara.

"Anggota yang melakukan pemeriksaan menemui lebih 1,500 liter minyak diesel dianggarkan bernilai RM3,225.

"Nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM1.5 juta, termasuk bot dan peralatan yang digunakan untuk mengepam minyak diesel ke bot nelayan Vietnam yang lain," katanya pada sidang media di Jeti Pusat Tahanan Visel di Pulau Kambing, di sini semalam.

Ariffin berkata, bot yang boleh membawa sehingga 60,000 liter minyak diesel itu dipercayai sudah berada di perairan negara sejak lebih sebulan lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/10/2021	BERITA HARIAN	MINDA PEMBACA	13

Tambah baik laluan ke Cameron Highlands

Laluan ke Cameron Highlands melalui Sungai Koyan, Kuala Lipis adalah antara jalan alternatif untuk sampai ke tanah tinggi itu bagi pengguna dari Kuala Lumpur mahupun Kuantan.

Apatah lagi selepas pembukaan laluan baharu, Projek Lebuh Raya Utama Tengah (Central Spine Road) pada 7 Oktober lalu, destinasi Cameron Highlands menjadi semakin rancak dan popular bagi mereka yang menginginkan percutian santai di tanah tinggi.

Terdapat banyak aktiviti di Cameron Highlands yang menjanjikan pelbagai tarikan antaranya meeting buah-buahan seperti strawberi, selain melawat ladang teh dan juga lavender. Malah untuk penggemar aktiviti lasak meneroka hutan, rimba di tanah tinggi itu menjanjikan pengalaman yang mencabar. Tidak kurang juga ia menjadi destinasi pembelajaran dan pendidikan di Pusat Penyelidikan MARDI.

Ketika ini, Cameron Highlands dilengapi dengan pelbagai kemudahan asas merangkumi sekolah, pejabat pentadbiran tanah dan daerah selain hospital daerah, Hospital Sultanah Hajjah Kalsom yang mempunyai lebih 70 katil dengan kelengkapan bahagian kecemasan sendiri. Namun, di sebalik semua kemudahan dan keistimewaan itu apa yang lebih utama adalah keselamatan dan keselesaan pengunjug juga penduduk setempat, terutamanya ketika melalui jalan raya menuju ke tanah tinggi berkenaan.

Jika diperhatikan jalan masuk melalui Sungai Koyan sehingga ke Ringlet, sejak ia dibuka pada

2010 tidak ada hentian rawat dan rehat disediakan, walaupun laluan itu dibina sepanjang 100 kilometer (km).

Laluan berkenaan pula berliku di lereng bukit dan licin, sekali gus tidak sesuai dengan cara pemanduan yang laju. Justeru, seharusnya disediakan sekurang-kurangnya sebuah kawasan hentian rehat dan rawat bagi keselesaan pengguna misalnya ke tandas atau menunaikan solat.

Sehubungan itu, prasarana di laluan berkenaan



Pandangan dari atas bentuk muka bumi Cameron Highlands berlereng dan jalan yang curam. (Foto hiasan)

juga perlu ditingkatkan misalnya dengan penyediaan lampu yang bersesuaian dengan bentuk muka bumi yang berlereng dan jalan yang curam. Ini juga dapat membantu pengguna mengelak kemalangan jalan raya.

Jika anda berpeluang menggunakan laluan berkenaan untuk ke Cameron Highlands, suasana kehijauan sepanjang perjalanan amat mempesonakan. Laluan di dalam daerah Kuala Lipis itu dianugerahkan panorama semula jadi yang hijau dan cantik, malah udaranya segar serta sejuk.

Sepanjang laluan juga ada banyak perkampungan Orang Asli antaranya Kampung Menson, Pos Be-tau, Pos Simoi dan Pos Lenjang. Semua penempatan ini boleh menjadi tarikan pelancongan dengan kewujudan pusat informasi dan boleh diban-gunkan dengan kerjasama antara kerajaan negeri dan Jabatan Kemajuan Orang Asli.

Hal ini juga boleh mengelakkan sejarah juga bu-daya masyarakat Orang Asli di kawasan itu lenyap ditelan arus kemodenan. Justeru, amat baik kiranya maklumat mengenai mereka, termasuk sis-tem ekonomi yang unik didokumentasi dan dikong-sikan. Malah, kawasan kraf tangan Orang Asli juga boleh diwujudkan.

Berdasarkan potensi yang ada di sepanjang la-luan berkenaan, pembinaan sebuah hentian rehat bukan hanya membantu pengguna jalan raya, te-tapi juga merangsang pertumbuhan ekonomi pen-duduk setempat juga memakmurkan belanjawan negara.

Justeru, sejumlah peruntukan perlu dipertim-bangkan untuk tujuan itu.